

## **Prinsip Ta'awun Dalam Praktis Keadilan Gender Menurut Islam**

***The Principle of Ta'awun in Practical Gender Justice According to Islam***

FATIN MAZIYYAH JA'FAR\*, WAN FARIZA ALYATI WAN ZAKARIA<sup>1</sup>

### **ABSTRACT**

*The gender equality that the West is fighting for does not provide a firm foundation for the relationship between men and women. Unlike the concept of gender justice brought by Islam, where Islam has positioned different roles for men and women where the roles correspond to the advantages they have. The concept of ta'awun (cooperation) is applied to complement the relationship between men and women in all aspects of life. Furthermore, this study was conducted to provide a clear understanding of the concept of gender justice according to Islam and to position ta'awun as the primary foundation in the relationship between men and women. The study uses a qualitative method by collecting and analyzing relevant documents. The findings of the study show that gender justice according to Islam is more flexible and practical to apply in all aspects. Moreover, the concept of ta'awun applied in gender justice between men and women can form a pattern of harmonious community because the relationship between man and woman is not seen from the differences of position and role and is not subject to any discrimination.*

**Keywords:** Islam, Gender, Justice, Ta'awun, Equality

### **PENDAHULUAN**

Secara biologinya, lelaki dan wanita dicipta berbeza untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia secara seimbang, terutamanya bagi penerusan zuriat keturunan. Dengan berlakunya perkembangan dalam zuriat keturunan manusia, maka berlaku juga perkembangan fungsi biologi. Hal ini kerana pembentukan manusia akan membentuk sebuah masyarakat. Justeru, peranan wanita tidak boleh dilihat daripada sudut biologi sahaja kerana perkembangan fungsi biologi berlaku secara berterusan seiringan dengan fungsi sosial. Sejarah menunjukkan pelbagai contoh<sup>2</sup> amalan masyarakat berkaitan fungsi sosial dan fungsi biologi tersebut, di samping fungsi-fungsi lain yang terbentuk kesan daripada kepercayaan, budaya dan adat sesebuah masyarakat (Mohd Anuar Ramli, 2012). Dalam perjuangan gender pada hari ini, konsep kesetaraan menjadi tema yang penting berdasarkan premis bahawa wujudnya

<sup>1</sup> Fatin Maziyyah Ja'far\* (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: [P10325@siswa.ukm.edu.my](mailto:P10325@siswa.ukm.edu.my); Wan Fariza Alyati Wan Zakaria Ph.D., Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: [aufaa@ukm.edu.my](mailto:aufaa@ukm.edu.my)

<sup>2</sup> Salah satu contoh yang terdapat dalam sejarah mengenai fungsi sosial ialah melalui kisah Ratu Balqis dalam memimpin kerajaan negeri Saba'. Kisah ini dapat dirujuk di dalam Surah al-Naml ayat 23 yang membawa maksud "Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan ia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan ia pula mempunyai singgahsana yang besar". Berdasarkan kepada ayat ini, dapat dilihat bahawa fungsi biologi berlaku seiringan dengan fungsi sosial yang mana wanita turut diberikan peluang dan mempunyai kelebihan dalam kepimpinan. Hamka di dalam tafsir al-Azhar mentafsirkan ayat tersebut menjelaskan bahawa terdapat seorang wanita yang menjadi raja di negeri Saba' sedangkan negeri-negeri lain diperintahkan oleh raja yang terdiri daripada golongan lelaki. Ibnu Kathir dalam Tafsir al-Qur'an al-A'zim menyatakan bahawa ratu Saba' bernama Balqis binti Syurahil yang mana ibunya merupakan jin wanita.

diskriminasi dan ketidakadilan dalam hak, fungsi serta peranan yang dimainkan oleh kedua-dua gender lelaki dan wanita tersebut. Walau bagaimanapun, kerangka berfikir seperti ini lahir daripada amalan dan budaya masyarakat Barat yang dipengaruhi oleh tradisi Judae-Kristian yang melihat wanita sebagai *the second class citizen*. Islam sebagai agama yang syumul dan memenuhi fitrah manusia, melihat isu gender ini secara adil, bahkan memberi garis panduan yang jelas dalam memahami perbezaan biologi yang menjadi asas kepada fitrah manusia, namun secara psikologinya, baik lelaki maupun wanita dipertanggungjawabkan dengan amanah yang sama iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Justeru, dalam memahami gender berdasarkan persektif Islam, asas kepada hubungan lelaki dan wanita ini adalah berteraskan intipati amanah kehambaan dan kekhilafahan secara saling melengkapi, dinamik dan seimbang, bukan dalam bentuk yang *rigid* dan beku, sebagaimana yang difahami dalam konteks pemikiran Barat.

### Latar Belakang Kajian

M. Hajir Mutawakkil (2014) menjelaskan konsep kesetaraan gender berasal daripada teori *nurture* yang mana peranan gender terbentuk daripada sosial dan budaya masyarakat yang menyebabkan peranan gender boleh berubah. Perbincangan mengenai kesetaraan gender yang dibawa oleh barat sentiasa berevolusi apabila terdapat idea yang dikritik dan munculnya idea yang lebih berasas dalam menyelesaikan permasalahan kesetaraan antara lelaki dan wanita. Hakikatnya, perbincangan mengenai kesetaraan gender masih berterusan sehingga kini yang menyebabkan wujudnya pandangan yang lebih kompleks mengenai gender (Judith Lorber, 1997; Dzakiyyah Fauziyah & Nurwahidin, 2022). Pandangan barat dalam kesetaraan gender dilihat tidak mempunyai titik penyudah kerana segala perbincangan yang dilakukan tidak dapat memberikan satu ketetapan yang kukuh dalam hubungan lelaki dan wanita. Konsep kesetaraan gender tidak memberikan solusi yang tepat kepada permasalahan wanita.

Konsep yang dibawa oleh Islam berlawanan dengan barat kerana Islam menggunakan teori keadilan yang mana setiap perkara perlu diletakkan bersesuaian dengan fitrahnya. Abdul Munir (1986) menyatakan bahawa keadilan dalam Islam bukanlah membahagikan satu perkara kepada dua bahagian dengan jumlah yang sama tanpa mengambil kira sama ada kedua-dua pihak memerlukan bahagian tersebut atau tidak atau sama ada keperluan kedua-dua pihak tersebut serupa atau tidak. Teori keadilan dalam Islam ini diaplikasikan dalam membahagikan peranan lelaki dan wanita. Al-Qur'an menjelaskan terdapat perbezaan peranan antara lelaki dan wanita. Namun begitu, perbezaan tersebut bukanlah perbezaan yang menguntungkan atau merugikan satu pihak tetapi perbezaan tersebut menciptakan hubungan yang harmoni yang berasaskan rasa kasih dan sayang antara keduanya (Sarifa Suhra, 2013). Kerjasama atau *ta'awun* antara lelaki dan wanita dapat terbentuk dengan tertegaknya konsep keadilan dalam pola hidup *ummah*<sup>3</sup> yang mana pola hidup *ummah* lebih bersifat mendunia dan terbuka sekaligus memberikan peluang kepada lelaki dan wanita dalam mendapatkan hak mereka

---

<sup>3</sup> Rujuk Surah al-Baqarah 1:213 yang membawa maksud "Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka)". Berdasarkan ayat tersebut, manusia pada asalnya adalah ummat yang satu yang mana terdiri daripada lelaki dan juga wanita. Justeru, kedudukan antara lelaki dan wanita dianggap sebagai sama tara yang mana kedua-duanya diberikan kesempatan dan peluang secara adil.

dengan adil. Justeru, Islam membawa kerangka yang konkret bersesuaian dengan semua waktu dan zaman.

### Konsep Umum Keadilan dan *Ta'awun* menurut Islam

Ibnu Manzur (T.Th) dalam Kamus *Lisan al-'Arab* menjelaskan perkataan *al-'Adl* membawa makna suatu perkara yang terhasil di dalam fikiran seseorang sebagai sesuatu yang lurus yang mana ianya merupakan percanggahan daripada ketidakadilan. Selain itu, *al-'Adl* turut didefinisikan sebagai seseorang yang melaksanakan keadilan tanpa mengikut hawa nafsu sehingga berlaku tidak adil dalam penghakimannya. Edwards P. (1972) dalam *Encyclopedia of Philosophy* menjelaskan makna keadilan sering digunakan sebagai suatu perkataan yang sinonim dengan perundangan. Ibnu Miskawayh (1985) pula menyatakan di dalam kitabnya yang bertajuk *Tahzib al-Akhlaq* bahawa seseorang yang memiliki sifat adil adalah seseorang yang mampu menyeimbangkan seluruh perbuatan dan juga keadaan diri. Penggunaan istilah *al-'Adl* dalam konteks keadilan menurut al-Qur'an mempunyai keterikatan dengan idea kesamaan dan juga keseimbangan (Nik Salida Suhaila et.al, 2020).

*Ta'awun* pula merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Kata dasar bagi *ta'awun* adalah 'awn (عون). Kitab *Lisan al-Arab*, mendefinisikan 'awn sebagai tolong atau bantuan. *Ta'awun* pula membawa makna membantu antara satu sama lain (Ibnu Manzur, T.Th). *Dictionary of The Holy Qur'an* pula menjelaskan *ta'awun* membawa maksud saling membantu. Kamus tersebut turut mendatangkan contoh ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *ta'awun* seperti وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَالْعُلُومِ وَعَوَّنُوا إِلَيْهِ اللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ yang membawa makna hendaklah membantu satu sama lain ke arah kebaikan dan ketaqwaan (Abdul Mannan Omar, 2003). Kamus Idris al-Marbawi (1930) mendefinisikan *ta'awanu* sebagai bertolong-tolong manakala *ta'awun* di dalam *al-Munawwir* dijelaskan sebagai kerjasama, tolong-menolong dan juga gotong royong (Ahmad Warson Munawwir, 1997). Dapat disimpulkan bahawa *ta'awun* secara umum membawa makna tolong-menolong dan bekerjasama antara satu sama lain. Nurul Syafiqah dan Wan Mohd Khairul Firdaus (2018) menjelaskan bahawa *ta'awun* merupakan amalan yang perlu dilaksanakan oleh manusia dalam kehidupan mereka. Konsep *ta'awun* paling jelas dapat dilihat melalui Surah al-Maidah ayat 2 yang mana Allah berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُلُومِ وَعَوَّنُوا إِلَيْهِ اللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ<sup>4</sup>

Maksudnya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebijikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertaqwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat seksaan-Nya.

Quraish Shihab (2002) menjelaskan bahawa potongan ayat tersebut merupakan prinsip dasar bagi manusia menjalankan kerjasama dengan sesiapa pun selama mana tujuan mereka adalah bersandarkan kepada kebijikan dan ketaqwaan. Al-Qurthubi (T.Th) menyatakan perintah untuk saling tolong-menolong dalam mengerjakan kebijikan dan ketaqwaan merupakan perintah kepada semua manusia. Segala perintah Allah, manusia perlulah berusaha melaksanakan dan mengaplikasikannya serta menjauhi dan menghindari perkara yang Allah larang. Lafaz yang membawa makna kebijikan dan taqwa merupakan dua lafaz yang memiliki maksud yang sama. Allah mengulangi lafaz tersebut dengan menggunakan kalimah yang

<sup>4</sup> Al-Qur'an, Al-Maidah 5:2.

berbeza bagi menunjukkan penekanan dan penegasan kerana setiap daripada kebajikan adalah taqwa dan setiap daripada taqwa adalah kebajikan. Berdasarkan kepada tafsiran tersebut dapat disimpulkan bahawa tolong-menolong merupakan sifat yang sangat digalakkan oleh Islam selagi mana mereka saling membantu ke arah kebaikan.

### Perspektif Barat dan Islam berkenaan Gender

Konsep kesetaraan gender yang dipromosikan oleh feminis Islam telah menghasilkan tumutan-tuntutan yang melanggar hukum syariat Islam. Menyetarakan peranan, hak, tanggungjawab, status sosial, pekerjaan dan kedudukan antara lelaki dan wanita merupakan sebuah bentuk kezaliman. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas kerana kemampuan dan kudrat yang diberikan kepada lelaki dan wanita adalah berbeza. Mereka bukan sahaja berbeza daripada sudut fizikal tetapi mereka juga mempunyai sifat, sikap, pemikiran, emosi, potensi dan kecenderungan yang tersendiri (Azli Fairuz Laki et.al, 2018).

Konsep yang dianggap lebih tepat dalam membincangkan permasalahan hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita adalah keadilan gender. Penggunaan istilah kesetaraan memerlukan penjelasan yang lebih terperinci bagi mengetahui maknanya sedangkan penggunaan istilah keadilan membawa makna yang jelas. Definisi keadilan adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya serta memberikan seseorang hak yang layak mereka terima secara sempurna. Islam lebih memberikan keutamaan kepada keadilan gender berbanding dengan kesetaraan gender secara mutlak kerana kesetaraan tidak semestinya membawa kepada keadilan (Azli Fairuz Laki et.al, 2018).

Tajul Ariffin (2019) menjelaskan keadilan membawa makna keadilan dalam layanan terhadap lelaki dan wanita berdasarkan kepada keperluan masing-masing. Hal ini termasuk layanan yang sama atau layanan yang berbeza tetapi mempunyai kesetaraan dari aspek hak, kelebihan, kewajipan dan peluang. Lelaki diciptakan dengan beberapa kelebihan dan kekuatan namun perkara tersebut tidak menafikan peranan dan kemuliaan wanita di dalam Islam. Keduanya saling memerlukan antara satu sama lain bagi membentuk sebuah kesatuan yang jitu (Asyraf Ab Rahman et.al, 2010). Perkara ini dapat dilihat dalam surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكُمْ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الْصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الْزَكَاةَ  
وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُهُمُ الْلَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ<sup>5</sup> ٧١

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Wahbah Zuhaili (2003) menjelaskan bahawa ayat tersebut membawa makna orang-orang yang beriman sama ada lelaki mahupun wanita, keduanya saling membela dan saling mendukung antara satu sama lain. Kerjasama antara lelaki dan wanita berlaku di dalam semua aspek serta berlaku dalam keadaan yang sangat penting seperti ketika jihad dan penghijrahan. Golongan lelaki sentiasa menjaga kehormatan dan pandangan mereka manakala golongan

<sup>5</sup> Al-Qur'an, Al-Taubah 9:71

wanita mempunyai rasa malu, menjaga pandangan, bersikap sopan dalam percakapan, pemakaian dan pekerjaan. Peranan wanita dapat dilihat dengan jelas dalam kejayaan hijrah Rasulullah s.a.w. Ketika peperangan, golongan wanita akan memberikan minuman, menyediakan makanan, memberi semangat dan dorongan kepada lelaki yang kalah agar kembali dalam medan pertempuran serta merawat dan mengubati mereka yang terluka.

Apabila membincarakan persoalan keadilan, perlu difahami bahawa terdapatnya bentuk kesetaraan substantif (*substantive equality*) berdasarkan keadilan dan bukannya sekadar kesetaraan prosedur (*procedural equality*) yang bersifat *superficial* (Wan Fariza Alyati, 2017). Kesetaraan prosedur bersifat inklusif, boleh diakses serta merupakan proses dalam mengembangkan atau mengaplikasikan program serta polisi manakala kesetaraan substantif pula merupakan salah satu daripada prinsip utama The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW). Konsep ini terbentuk daripada pengiktirafan bahawa kesetaraan formal (*formal equality*) berkemungkinan tidak memadai dalam memastikan wanita menikmati hak yang sama seperti lelaki. Hal ini kerana, dasar yang terbentuk bersifat neutral terhadap jantina. Meskipun tidak mengecualikan wanita tetapi dalam masa yang sama boleh menimbulkan diskriminasi. Contoh pelaksanaan kesetaraan substantif seperti yang terkandung dalam Resume Parameter Kesetaraan Gender dalam Pembentukan Peraturan Perundang-undangan<sup>6</sup> yang dikeluarkan oleh Kementerian Hukum dan Hak Asasi Manusia Republik Indonesia ialah:

- a) Menganalisis hak wanita bagi mengatasi jurang perbezaan atau keadaan yang memudaratkan wanita.
- b) Melakukan perubahan persekitaran agar wanita mendapat peluang, akses dan menikmati faedah yang sama dengan golongan lelaki.
- c) Negara wajib melaksanakan dasar yang memberikan kesaksamaan peluang, akses dan menerima manfaat yang sama bagi golongan lelaki dan wanita.

Islam turut membincangkan mengenai kesetaraan substantif bagi memastikan keadilan gender dilaksanakan. Kesetaraan substantif tidak bertujuan untuk memberikan layanan yang sama antara lelaki dan wanita sebaliknya bertujuan memberikan kelebihan yang lebih banyak kepada individu atau kumpulan yang kurang memiliki kelebihan agar kesemuanya mendapat hasil yang setara. Kesetaraan substantif dalam sisi pandang wanita tidak bertujuan melindungi wanita hanya kerana mereka mempunyai perbezaan dengan lelaki tetapi melindungi wanita kerana mereka tidak diberikan kelebihan sama ada dari sudut sejarah maupun system (Salbiah Ahmad, 2005). Dalam hal ini, pengkaji lebih cenderung menerima pakai konsep serta penjelasan berkaitan kesetaraan substantif kerana kesetaraan substantif memiliki parameter yang merupakan petunjuk dan juga indikator terhadap perkara yang ingin dicapai. Hal ini kerana, kesetaraan tidak boleh diukur secara sama rata kerana perkara tersebut tidak akan menyelesaikan masalah yang berlaku secara mendasar. Meskipun kesetaraan substantif mempunyai parameter dengan ukuran yang tersendiri namun ia bersifat subjektif. Justeru, alternatif yang digunakan Islam bersifat melebihi daripada kesetaraan prosedur dan juga

---

<sup>6</sup> Parameter Kesetaraan Gender merupakan alat untuk mengintegrasikan perspektif kesetaraan gender dalam membentuk undang-undang agar bersesuaian dengan jenis dan juga hierarkinya. Parameter ini diperlukan kerana terdapat masalah yang berlaku dalam pembangunan masyarakat seperti jurang gender dalam aspek penglibatan, manfaat dan akses di samping berlakunya kekerasan terhadap wanita dan anak perempuan serta kurangnya penglibatan wanita dalam jabatan awam, bidang politik dan ekonomi. Parameter yang disusun dalam Pembentukan Peraturan Perundang-undangan didasarkan dengan penghormatan, perlindungan dan memenuhi hak asasi wanita. Rujuk Resume Parameter Kesetaraan Gender dalam Pembentukan Peraturan Perundang-undangan.

kesetaraan substantif kerana Islam mempunyai sudut pandang yang berbeza daripada barat dalam perspektif keadilan dan kesetaraan.

Dalam hal ini, Jamal Badawi<sup>7</sup> iaitu seorang tokoh pemikir Islam kontemporari, telah membahaskan konsep keadilan gender dalam karyanya *Gender Equity in Islam: Basic Principles*. Beliau menggunakan istilah *equity* atau keadilan berbanding kesetaraan kerana kesetaraan seringkali disalah anggap sebagai sesuatu persamaan yang mutlak terhadap setiap perkara yang berbeza. Beliau memberikan penekanan dalam penulisan beliau mengenai keadilan gender berdasarkan kepada empat aspek utama iaitu rohani, ekonomi, sosial serta undang-undang dan politik. Secara umumnya, beliau membahagikan keadilan gender kepada empat aspek seperti berikut:



Rajah 1: Aspek-aspek keadilan gender menurut Jamal Badawi

Berdasarkan kepada rajah 1 di atas, aspek keadilan gender yang digariskan oleh Jamal Badawi secara umumnya boleh digunakan sebagai satu kerangka dalam memahami perspektif Islam dan juga reaksi semasa terhadap isu-isu yang ditimbulkan hasil daripada perbahasan berkenaan dengan hak-hak wanita. Penulis dalam hal ini membincangkan secara lebih mendalam aspek-aspek tersebut untuk menjelaskan keadilan gender menurut Islam dalam konteks masa kini.

### 1. Aspek Rohani

Kemampuan seseorang dalam mengendali dan menguruskan emosi secara tidak langsung dapat meningkatkan perkembangan emosi dan intelek. Lelaki dan wanita mempunyai perbezaan dalam menguruskan emosi seperti contoh wanita ketika berhadapan tekanan, lebih cenderung meluahkan perasaan dan mendapatkan sokongan sosial manakala lelaki pula akan menzahirkan kekuatan fizikal dan perasaan marah (Mok Soon Sang, 2013). Wanita memiliki sifat yang lembut dan emosi halus yang mana mereka memerlukan bimbingan yang bersesuaian dengan perwatakan dan sifat mereka bahkan Rasulullah s.a.w menggunakan pendekatan yang berbeza

<sup>7</sup> Merupakan Profesor Emeritus di Universiti St. Mary di Halifax, Nova Scotia, Kanada, di mana beliau bertugas sebagai Profesor dalam bidang Pengurusan dan Pengajian Agama. Pada tahun 2008, beliau telah menerima Anugerah Doktor Kehormat berdasarkan sumbangan beliau mempromosi pemahaman yang lebih baik mengenai Islam kepada masyarakat awam di seluruh dunia. Beliau juga merupakan ahli Majlis Fiqh Amerika Utara, Majlis Eropah untuk Ifta dan Penyelidikan dan Kesatuan Ulama Islam Antarabangsa.

dalam menjawab persoalan yang dilontarkan oleh sahabah-sahabah bergantung kepada emosi mereka (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et.al, 2017).

Al-Qur'an menekankan bahawa lelaki dan wanita memiliki sifat kerohanian manusia yang semulajadi. Selain itu, lelaki dan wanita mempunyai martabat dan merupakan pemegang amanah Allah di muka bumi (Jamal Badawi, 1995). Penciptaan manusia dan jin mempunyai tugas yang sama iaitu untuk melaksanakan ibadah kepada Allah. Manusia, sama ada lelaki atau wanita diberikan peluang yang sama dalam melaksanakan ibadah kerana ibadah merupakan fitrah bagi manusia. Perintah pelaksanaan ibadah adalah wajib ke atas seluruh manusia (Inayati Ashriyah, 2012). Perkara ini dapat dilihat di dalam firman Allah pada surah al-Nahl ayat 97:

٩٧ مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِنَّ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ<sup>8</sup>

Maksudnya: Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.

Ayat tersebut membawa makna bahawa pelaksanaan amalan soleh mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan keimanan kerana amalan soleh akan membangkitkan keimanan kepada Allah. Selain itu, ayat tersebut turut membawa maksud lelaki dan wanita mempunyai kedudukan yang sama dalam persoalan amalan soleh dan iman kerana keduanya ingin membangunkan keimanan di dalam hati dan ingin berbuat kebaikan. Justeru, tanggungjawab wanita tidak kurang daripada lelaki dalam menegakkan keimanan kepada Allah. Allah berjanji akan memberikan kehidupan yang baik kepada lelaki atau wanita yang beriman dan melaksanakan amalan soleh (Abdul Malik Abdul Karim, 1990). Dalam *Tafsir al-Munir* menjelaskan bahawa ayat tersebut merupakan dorongan kepada lelaki dan juga wanita agar sentiasa bersemangat dalam melaksanakan ketaatan dan kewajiban agama kerana Allah akan membalaas segala amalan baik termasuk amalan sunat dan wajib serta memberikan mereka pahala atas amalan yang mereka lakukan (Wahbah Zuhaili, 2003).

Faisal Othman (1993) menyatakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai tanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbuatan mereka. Sekiranya mereka melakukan amalan soleh, maka mereka akan memperolehi pahala yang sama dari Allah tanpa sebarang diskriminasi. Berdasarkan kepada perkara tersebut, maka lelaki dan wanita wajib untuk memenuhi keperluan agama seperti menunaikan ibadah. Prinsip umum yang digunakan di dalam al-Quran yang berbentuk perintah ditujukan kepada lelaki dan juga wanita meskipun perkataan atau lafaz perintah tersebut dalam bentuk maskulin melainkan terdapat ayat yang menekankan bahawa perintah tersebut hanya untuk lelaki.<sup>9</sup> Maka, kewajiban melaksanakan solat lima waktu perlu dilakukan oleh lelaki dan wanita walaupun al-Quran menggunakan lafaz *mu'minun* yang membawa makna lelaki yang beriman (Ali Abd al-Wahid Wafi, 1971).

Berdasarkan kepada perkara di atas, pengkaji berpandangan bahawa lelaki dan wanita mempunyai pengurusan emosi dan intelek yang berbeza bersesuaian dengan fitrah mereka. Justeru, pendekatan yang berbeza diperlukan dalam menangani perbezaan intelek dan emosi tersebut. Rasulullah turut menggunakan beberapa pendekatan yang berbeza dalam menjawab

<sup>8</sup> Al-Qur'an, Al-Nahl 16:97

<sup>9</sup> Al-Quran, 2:43,110,238,4:103,11:14,17:78.

soalan sahabiah bergantung kepada emosi mereka. Meskipun mempunyai perbezaan dalam aspek emosi dan intelek, namun lelaki dan wanita mempunyai persamaan dalam aspek kerohanian. Hal ini kerana, kayu ukur yang digunakan dalam menilai kerohanian seseorang adalah ketaqwaan mereka dalam beribadah bukannya jantina.

## 2. Aspek Ekonomi

Sebelum kedatangan Islam, wanita di zaman Arab Jahiliyyah dianggap tidak mempunyai hak dari sudut ekonomi. Justeru, Islam memuliakan wanita dengan memberi mereka hak ekonomi sebagai satu kelebihan yang jelas kepada wanita. Jamal Badawi (1995) menekankan bahawa hak ekonomi yang diberikan kepada wanita itu adalah suatu bentuk jaminan keselamatan terhadap golongan itu. Justeru, dalam hal ini terdapat dua aspek yang menunjukkan keadilan Islam dalam hal gender iaitu:

### 1) Perwarisan harta

Hak pewarisan merupakan kelebihan yang ditetapkan oleh Al-Quran yang tidak pernah sebelum ini dikecap oleh wanita dalam mana-mana agama. Ia bukanlah diskriminasi seperti yang didakwa oleh golongan feminis Islam, kerana ia atas persetujuan keluarga melalui prinsip *musyawarah*. Terdapat pembahagian alternatif selain dari kaedah *fara'id* dalam amalan dan tradisi masyarakat Melayu yang dilakukan sebagai simbol kasih sayang tanpa mengira perbezaan gender seperti pemberian hibah kepada anak perempuan sebelum meninggal ataupun pelepasan hak saudara lelaki secara tolak ansur untuk diberikan sama rata kepada saudara perempuan yang dilakukan secara rela. Justeru, pendekatan Islam dalam hal pewarisan harta kepada wanita haruslah dilihat secara integratif, lantaran ia berhubung rapat dengan tanggungjawab kekeluargaan yang diimbangi dengan hak-hak yang tertentu (Mohd Anuar Ramli et.al, 2012).

Konteks pengamalan dalam bidang ekonomi terhadap wanita mempunyai perbezaan dalam masyarakat Islam yang mempunyai adat seperti contoh Adat Perpatih. Adat Perpatih bersumberkan kepada adat resam dan turun temurun yang diamalkan di Negeri Sembilan dan juga Naning, Melaka. Adat ini dipercayai dibawa oleh masyarakat Minangkabau yang berasal dari Pagaruyung, Indonesia. Adat Perpatih mempunyai perbezaan pelaksanaan daripada sudut pemerintahan, pembahagian harta dan perkahwinan. Pembahagian harta di dalam Adat Perpatih adalah mementingkan golongan wanita dengan mengambil berat nasab sebelah ibu (Mualimin Mohammad Sahid et.al, 2018). Harta pusaka akan diturunkan kepada keturunan perempuan yang merupakan pihak sebelah ibu. Suami tidak mempunyai sebarang hak dalam memiliki harta pusaka. Seandainya seorang ibu tidak mempunyai anak perempuan, maka hartanya akan diwarisi oleh adik perempuan, anak perempuan kepada adik-adiknya dan cucu-cucu perempuan (Mualimin Mohammad Sahid et.al, 2017). Harta warisan di dalam Adat Perpatih dibahagikan kepada dua bahagian iaitu harta pusaka dan harta pencarian. Harta pusaka terbahagi kepada dua iaitu harta pusaka tinggi yang merupakan harta pusaka yang menjadi milik suku seperti tanah sawah atau ladang dan harta pusaka rendah yang merupakan harta yang boleh dijadikan hak individu dan bukan hak milik suku (Mohd Rosli Saludin, 2011).

<b>Jenis Harta</b>	<b>Kepemilikan</b>	<b>Pembahagian</b>
Harta Pusaka Tinggi atau Tanah Pusaka atau Tanah Adat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diwarisi secara turun-temurun daripada nenek moyang</li> <li>- Sepenuhnya milik golongan perempuan sahaja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dibahagikan menurut sistem pembahagian Tanah Adat</li> <li>- Tidak boleh difaraidkan</li> </ul>
Harta Pusaka Rendah atau Tanah Dapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tanah yang dimiliki oleh golongan perempuan sebelum berkahwin</li> <li>- Tanah akan diserahkan semula kepada golongan perempuan setelah berlaku penceraian sama ada cerai hidup ataupun kematian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi harta suku dan dibahagikan menggunakan sistem pembahagian Tanah Adat</li> <li>- Tidak boleh difaraidkan</li> </ul>
Harta Sepencarian atau Tanah Carian Laki Bini	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diperolehi secara bersama dalam tempoh perkahwinan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak akan diagihkan mengikut proses pembahagian Tanah Adat</li> <li>- Boleh difaraidkan</li> </ul>
Harta Perseorangan atau Tanah Pembawaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Harta atau tanah yang dimiliki oleh suami atau isteri sebelum perkahwinan</li> <li>- Selepas berkahwin, status harta masih milik masing-masing</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Boleh dihebahkan kepada orang lain tanpa perlu terikat dengan suami atau isteri</li> <li>- Boleh difaraidkan</li> </ul>

Jadual 1: Jenis, kepemilikan dan pembahagian harta mengikut Adat Perpatih.

Sumber: Mualimin Mohammad Sahid et.al (2017, 2018).

Hakikatnya, terdapat elemen yang mengukuhkan kedudukan wanita dari sudut ekonomi dalam sistem adat dan budaya masyarakat Islam terutama masyarakat Melayu yang menonjolkan pengiktirafan terhadap golongan wanita mengikut kerangka yang digariskan oleh Islam. Dalam hal ini, syariat tetap menjadi panduan masyarakat Islam dalam menangani perubahan dan keperluan masyarakat itu sendiri.

## 2) Pekerjaan

Islam juga mengangkat darjah wanita dengan memberi hak kepada mereka untuk bekerja seperti yang dimodelkan oleh isteri baginda Rasulullah s.a.w iaitu Saiyidatina Khadijah yang merupakan seorang ahli perniagaan wanita yang berjaya. Walaupun dari sudut uruf dan adatnya, beban bekerja sebelum ini digalas oleh suami atau bapa. Namun begitu, seiring dengan arus kemajuan dan perubahan kehidupan, golongan wanita turut sama bekerja untuk menampung kehidupan. Hukum bagi wanita bekerja adalah harus dan dibolehkan. Hukum tersebut boleh berubah kepada sunat atau wajib bergantung kepada keadaan yang dialami oleh seseorang wanita seperti contoh seorang balu atau janda yang tidak mempunyai pendapatan serta tidak ditanggung oleh sesiapa sedangkan dia memiliki kemampuan untuk memperolehi pendapatan, maka digalakkannya untuk bekerja. Wanita yang bekerja perlulah mengikut batas syarat yang ditetapkan seperti pekerjaan tersebut mengikut syarak, menjaga adab dan tidak mengabaikan tugas hakiki sebagai isteri dan ibu.

Dalam hal ini, usaha kerajaan bagi membantu wanita berkerjaya dapat dilihat daripada inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan seperti Program Wanita Bangkit yang membantu mereka yang kehilangan punca pendapatan, pencari nafkah utama dan juga ibu tunggal untuk menjana pendapatan. Di samping membantu meningkatkan taraf ekonomi wanita, kerajaan turut meminda akta berkaitan cuti bersalin. Cuti bersalin bagi wanita dinaikkan daripada 60 hari kepada 98 hari. Tempoh cuti bersalin 98 hari ditetapkan selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai *Maternity Protection Convention* yang menetapkan tempoh cuti bersalin tidak kurang daripada 14 minggu iaitu 98 hari. Majikan tidak dibenarkan mengarahkan pekerja wanita yang sedang cuti bersalin untuk kembali berkhidmat sebelum tamat tempoh cuti bersalin 98 hari melainkan dengan permohonan pekerja wanita sendiri dan persetujuan majikan serta disahkan sihat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Selain itu, majikan tidak dibenarkan menamatkan perkhidmatan wanita yang sedang hamil atau sakit yang berbangkit daripada kehamilan melainkan pekerja tersebut melanggar kontrak dengan sengaja, melakukan salah laku atau majikan telah menutup perniagaannya. Bersangkutan dengan perkara di atas, kerajaan telah memperkenalkan cuti paterniti selama 7 hari bagi membenarkan suami menjaga isteri dan anak yang dilahirkan serta menguruskan perkara berkaitan kelahiran berdasarkan kepada syarat yang telah ditetapkan. Akta Kerja 1955 yang dipinda pada tahun 2022 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. Berdasarkan perbincangan di atas, sokongan dan persekitaran sosial yang sesuai dan kondusif amat perlu diwujudkan bagi membantu wanita dari sudut ekonomi dan kerjaya. Jaminan keselamatan dari sudut ekonomi kepada kaum wanita ini, menunjukkan Islam menitikberatkan bahkan memberi keadilan kepada wanita.

### 3. Aspek Sosial

Aspek sosial yang dibawa oleh Jamal Badawi (1995) di dalam penulisannya menekankan mengenai keadilan wanita dalam semua peringkat kehidupan seperti wanita sebagai seorang anak perempuan, isteri, ibu dan juga wanita secara umumnya. Keadilan wanita yang dibincangkan oleh Jamal Badawi itu terangkum bukan sahaja dalam bentuk peranan domestik, namun sebenarnya hal ini dikaitkan dengan pandangan al-Quran berkenaan institusi keluarga sebagai komponen penting dalam masyarakat Islam. Kedatangan Islam membolehkan golongan wanita menikmati hak yang bersesuaian dengan fitrah dan risalah penciptaannya. Seorang anak perempuan berhak mendapat hak yang sempurna sama seperti anak lelaki dalam sudut penjagaan, asuhan, pendidikan dan pembelajaran daripada lahir sehingga berkahwin. Anak perempuan turut diberi kebebasan dalam menentukan masa depannya sekiranya mereka telah baligh, berakal dan matang di samping mempunyai hak mengurus harta sendiri serta memilih pasangan hidup dengan restu daripada ibu bapa. Sebagai seorang isteri, wanita berhak mendapat mahar, nafkah zahir dan batin serta dilayan dengan baik oleh suami. Isteri juga mempunyai hak menuntut fasakh atau *khulu'* sekiranya perkahwinan tersebut menyeksanya. Wanita sebagai seorang ibu berhak mendapat penghormatan dan penghargaan daripada anak-anak sebagai tanda menghargai jasa dan pengorbanan ibu yang tidak ternilai (Andek Masnah Andek Kelawa, 1999).

Justeru, keadilan terhadap wanita yang dimaksudkan oleh Islam itu adalah dengan mengangkat martabat wanita dalam institusi keluarga yang berperanan sebagai pendidik generasi dan nukleus kepada pembinaan masyarakat Islam yang kukuh. Bahkan,

pengembangan peranan wanita sebagai pendidik bukan sahaja boleh dilihat dalam konteks institusi keluarga, tetapi juga sebagai pendidik kepada komuniti dalam aktiviti kesukarelawanan, kebijakan dan keagamaan yang memerlukan penglibatan wanita secara proaktif bagi membentuk lingkungan dan persekitaran yang positif. Intipati kepada keadilan gender dalam aspek sosial menurut perspektif Islam adalah terangkum dalam pengiktirafan terhadap peranan wanita sebagai tunjang pembentukan nilai-nilai yang tinggi berteraskan ajaran Islam yang menjadi komponen penting dalam pendidikan komuniti dan masyarakat.

#### 4. Aspek Politik dan undang-undang

Wanita mempunyai hak untuk melibatkan diri di dalam bidang politik sama seperti lelaki. Pemberian hak menimba ilmu kepada wanita membolehkan mereka memberi sumbangan dalam memartabatkan agama Islam di samping mengakui peranan wanita dalam membangunkan politik negara. Wanita pada zaman kini mempunyai kemahiran dan pengetahuan serta memiliki kemampuan membuat keputusan dengan baik. Justeru, perkara tersebut tidak menghalang mereka daripada dilantik sebagai menteri kerana semua urusan politik dan pentadbiran dijalankan secara kolektif. Perbahasan ulama dalam membahaskan penglibatan wanita dalam berpolitik bertujuan untuk memelihara wanita itu sendiri dan bukannya untuk mempertikaikan hak, kemampuan serta kebolehan yang dimiliki oleh wanita. Tidak ada sebarang diskriminasi bagi wanita melibatkan diri dalam bidang politik selagi mana mereka menjaga etika berpolitik seperti contoh cara berpakaian, pergaulan, tidak mengabaikan rumahtangga, mendapat keizinan daripada wali atau suami serta tidak menimbulkan sebarang kemudaratan sama ada kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara (Sharifah Hayaati, 2002).

Hak bersuara merupakan salah satu elemen yang penting dalam aspek politik. Pemberian hak bersuara kepada wanita mendorong mereka melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam arena politik. Dalam konteks umat Islam generasi awal, kebebasan bersuara ini tidak boleh difahami sepertimana amalan demokrasi yang dipraktikkan masa kini. Justeru, pendalilan berkenaan hak bersuara tersebut bukanlah dapat dijelaskan secara langsung daripada Al-Qur'an, bahkan menerusi pentakwilan kepada isu dan permasalahan yang berkaitan dengan wanita secara umum. Dalam hal ini, kita dapat merujuk kepada firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa ayat 20:

وَإِنْ أَرْدَمْتُمُ اسْتِيَّالَ زَوْجَ مَكَانَ زَوْجٍ وَعَانِيْتُمْ إِحْدَانُهُنَّ قَطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَنْ تَخْلُدُوهُنَّ بُعْثَنَا وَإِنَّا مُبِينَا .<sup>10</sup>

Maksudnya: Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata?

Jika kita merujuk kepada beberapa tafsir muktabar oleh ulama tafsir seperti Ibn Kathir, al-Suyuti dan ar-Razi, adalah jelas bahawa ayat ini merujuk kepada hak wanita daripada sudut mahar yang diberikan oleh suami atas sebab perkahwinan. Meskipun pentafsiran ayat tersebut membincangkan mengenai penetapan kadar mahar bagi wanita, namun terdapat kisah yang berkaitan dengan penetapan kadar mahar tersebut yang menarik berkenaan dengan hak bersuara wanita. Hal ini merujuk kepada peristiwa di mana khalifah Umar al-Khattab ingin

<sup>10</sup> Al-Qur'an, An-Nisa 4:20


menetapkan pemberian kadar maksima mahar kepada wanita, lalu bangun seorang wanita Quraisy membantah dan menegaskan bahawa penetapan kadar mahar adalah hak wanita dan bukannya hak khalifah. Wanita tersebut bahkan merujuk ayat di atas bagi memberi peringatan kepada khalifah Umar r.a terhadap hak tersebut. Khalifah Umar r.a kemudiannya menyedari kesalahannya dan menyatakan bahawa wanita tersebut benar dan Umar salah (Ibnu Kathir, 1969; Jalaluddin al-Suyuti, 1993; Fakhr al-Razi, 1980). Tindakan wanita Quraisy yang menyuarakan perbezaan pandangannya dengan khalifah Umar r.a secara tidak langsung memperlihatkan bahawa pendirian dan pemikiran wanita diterima serta diiktiraf oleh khalifah Umar r.a, sekaligus menjelaskan pendirian Islam tentang jaminan hak bersuara bagi wanita.

Demikian juga, Islam memberi hak yang sama kepada lelaki dan wanita ketika berhadapan dengan undang-undang di mahkamah, kerana keadilan tidak mengira jantina. Pada zaman sekarang, terdapat banyak bukti penglibatan wanita Islam dalam pelbagai bidang sama ada dalam bidang memilih penguasa, bidang membuat undang-undang, bidang pentadbiran, bidang pengajaran dan bahkan juga di dalam bidang peperangan. Penglibatan wanita di dalam urusan sosial dan politik dilaksanakan tanpa melanggar norma-norma yang ditetapkan di dalam Islam. Wanita memegang tanggungjawab yang penting dalam kehakiman dan sistem perundangan Syariah. Mazhab Hanafi mengharuskan wanita dilantik sebagai hakim dalam semua kes kecuali kes hudud dan qisas manakala Ibnu Qassim daripada Mazhab Maliki pula mengharuskan pelantikan wanita sebagai hakim kecuali dalam kes jenayah. Hal ini membawa makna bahawa harus melantik wanita sebagai hakim bagi kes-kes mal sahaja (Al-Qurthubi, 1996). Dalam konteks Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali ke-73 telah bersetuju melantik wanita menjadi Hakim Syarie dalam kes-kes selain daripada kes hudud dan qisas dengan menekankan bahawa pemilihan dan pelantikan hakim perlu dibuat dengan penuh ketelitian dan teratur (Zaini Nasohah et.al, 2016). Pelantikan Hakim Syarie daripada golongan wanita secara tidak langsung mengiktiraf kemampuan dan pencapaian wanita terutama dalam bidang akademik. Selain daripada itu, pelantikan Hakim Syarie wanita dapat membantu mengatasi masalah kekurangan calon Hakim Syarie sekaligus menyelesaikan masalah kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah yang berpunca daripada kekurangan hakim (Noor Huda Roslan, 2017).

Justeru, Islam membenarkan wujudnya kepelbagaiannya hak berdasarkan kepada peranan gender dan dalam urusan wanita, hak berkaitan ruang persendirian (*private sphere*) dan ruang awam (*public sphere*) mengikut keadaan yang bersesuaian dengan fitrah wanita (Bano Orakzai, 2014). Peranan wanita dalam ruang persendirian dalam keluarga telah dijelaskan oleh Islam bagi menunjukkan kepada peranan mereka dalam institusi sosial yang asas, sekaligus meraikan kepentingan peranan tersebut sebagai nukleus utama pembangunan masyarakat dan negara. Ia bukanlah suatu bentuk diskriminasi, bahkan sebaliknya satu penghargaan kepada keutamaan peranan wanita menurut Islam. Adalah jelas sebagaimana perbincangan di atas, bahawa wanita diberi hak dan peluang dalam ruang awam bagi mengukuhkan sistem masyarakat dalam aspek undang-undang dan politik. Konsep keadilan gender adalah lebih bertepatan dengan prinsip Islam yang menilai dan meletakkan sesuatu berteraskan neraca yang lurus (*al-qistas al-mustaqim*) dalam hubungan kemanusiaan dan kemasyarakatan antara lelaki dan wanita sebagai makhluk ciptaan Allah s.w.t yang saling melengkapi. Perbezaan hak dan peranan bukanlah sebuah ketidakadilan sebagaimana yang dinyatakan oleh feminis Islam bahkan meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya adalah salah satu bentuk kezaliman.

## Prinsip Ta'awun dan Keadilan Gender

Perspektif barat dalam keadilan gender bertujuan untuk menghapuskan diskriminasi yang wujud dalam masyarakat barat terhadap kaum wanita berpunca daripada pelbagai faktor seperti agama, budaya dan amalan masyarakat. Justeru, keadilan gender menurut perspektif barat itu cenderung kepada mencapai kesetaraan dan kesamarataan antara lelaki dan wanita. Berbeza dengan barat, Islam melihat keadilan gender berdasarkan prinsip *ta'awun* iaitu kerjasama dan saling lengkap melengkapi antara lelaki dan wanita. Akses kepada keadilan gender menurut Islam terkandung di dalam undang-undang Islam dan tidak mempunyai sebarang sifat diskriminasi (Hibbert N, 2017). Selain itu, keadilan gender juga menyokong untuk mengelakkan berlakunya ketidaksaksamaan antara lelaki dan wanita yang terdapat dalam semua masyarakat (Alemnew Gebeyehu Dessie, 2015). Keadilan gender merupakan sebuah korelasi kesaksamaan, tidak mempunyai diskriminasi dan undang-undang yang mempunyai hubungan secara langsung terhadap sosial, ekonomi, politik, faktor sosial, budaya dan pendidikan. Kesemua perkara tersebut perlu dipenuhi dalam mencapai keadilan gender (Brian Z Tamanaha, 2008). Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, keadilan gender menurut Islam merangkumi isu yang berkaitan dengan politik, ekonomi dan hak sosial berdasarkan kepada kesaksamaan jantina yang boleh digambarkan seperti rajah 2 dibawah:



Rajah 2: Aplikasi konsep keadilan gender di dalam prinsip *ta'awun*.

Merujuk kepada rajah 2 di atas, kepelbagaiannya dimensi dalam mengaplikasikan konsep keadilan gender berdasarkan prinsip *ta'awun* bukanlah berlaku secara terasing, bahkan ia bersifat holistik dan menyeluruh. Dalam aspek perundangan, Islam meletakkan hak dan tanggungjawab yang seimbang antara lelaki dan wanita. Wujudnya ketidakadilan gender dalam masyarakat Islam adalah berpunca daripada pelbagai faktor terutamanya faktor adat dan budaya masyarakat. Ketidakadilan tersebut bukanlah datang daripada Islam sebaliknya merupakan tradisi masyarakat setempat yang telah menjadi sebuah amalan yang bertentangan dengan syariat Islam (Mohd Anuar Ramli, 2012). Islam tidak melakukan sebarang bentuk diskriminasi terhadap jantina. Perbezaan fungsi antara jantina tidak membawa makna bahawa satu jantina lebih tinggi sekaligus mengasingkan daripada satu jantina yang lain (Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, 2017).

Andek Masnah (1999) menyatakan bahawa keadilan gender di dalam Islam daripada sudut sosial pula, dapat dilihat melalui aspek kerjasama atau disebut sebagai *ta'awun* antara

lelaki dan wanita dalam perkahwinan. Salah satu prinsip dalam *ta'awun* antara lelaki dan wanita dalam konteks suami isteri adalah dengan keadilan (*al-'Adalah*) di mana suami isteri perlu melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka. Nadiah Mohd Zin dan Syazwanan Aziz (2020) menjelaskan bahawa suami perlu sentiasa bersedia berkorban untuk isteri dan begitu juga dengan isteri yang perlu bersedia berkorban untuk suami agar keduanya dapat melahirkan perasaan kasih sayang antara satu sama lain. Suami juga bertanggungjawab memberi nafkah kepada isteri. Para fuqaha mendefinisikan nafkah sebagai makanan, pakaian, tempat tinggal, tempat tidur, kelengkapan rumah dan sebagainya (Muhammad Mahmud Shafie, 1998). Seorang isteri pula mempunyai tanggungjawab untuk menjaga hak suami seperti rumahnya, hartanya dan anak-anaknya (Wahbah Zuhaili, 1997). Selain itu, seorang isteri juga perlu memberi didikan agama kepada anak-anak. Abu Bakr Jabir (2001) menegaskan bahawa perkara tersebut merupakan sebuah bentuk daripada etika timbal balas yang mana seorang suami akan melaksanakan peranan sebagai ketua di dalam rumah tangga manakala isteri pula adalah pengurus rumah tangga. Justeru, konsep *ta'awun* dan juga saling melengkap membolehkan suami isteri melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa mempunyai perasaan untuk bersaing antara satu sama lain di samping menimbulkan keharmonian di dalam rumah tangga. Jelasnya, implementasi *ta'awun* dalam rumah tangga akan menghasilkan institusi keluarga yang kukuh.

Yusuf Al-Qardhawi (2009) menyatakan bahawa aplikasi *ta'awun* dalam aspek kerohanian pula dapat dilihat melalui pelaksanaan dakwah yang merupakan salah satu daripada dimensi jihad. Jihad merupakan sebuah usaha yang menghimpunkan kekuatan, kemampuan dan juga potensi serta turut membawa makna memikul sesuatu yang berat. Tanggungjawab melaksanakan dakwah dipikul oleh semua umat Islam termasuk lelaki dan juga wanita (Kamarul Jasmi Azmi et.al, 2008). Azizul Azra dan Mohd Hisyam (2018) menerangkan bahawa peranan utama yang dilaksanakan oleh wanita di dalam dakwah adalah menjadi pembantu atau penolong kepada golongan lelaki dalam semua bidang. Penglibatan wanita di dalam dakwah amat penting kerana suara mereka diperlukan lantaran mereka mewakili sebahagian daripada umat di samping memastikan agar misi dakwah tercapai. Lelaki dan wanita dianggap sebagai satu unsur yang penting dalam sesebuah jemaah atau gerakan kerana keduanya mempunyai peranan dalam menggerakkan dakwah. Segala perkara yang dilaksanakan oleh golongan lelaki turut menjadi tanggungjawab golongan wanita. Contoh yang jelas pengaplikasian *ta'awun* dalam aspek rohani antara lelaki dan wanita dapat dilihat melalui kisah Rasulullah s.a.w dan Sayidatina Khadijah. Sayidatina Khadijah memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi dorongan terhadap dakwah Rasulullah s.a.w. Selain itu, beliau memberikan kekuatan dan dorongan kepada Rasulullah s.a.w ketika baginda menerima wahyu kali pertama. Saat Rasulullah s.a.w sedang ketakutan setelah menerima wahyu pertama di Gua Hira', Sayidatina Khadijah bijak mengawal keadaan dan memberikan ketenangan kepada baginda (Yusuf Al-Qardhawi, 2015). Perkara tersebut menunjukkan bahawa lelaki dan wanita mempunyai peranan yang penting dalam melaksanakan dakwah.

Seterusnya dalam aspek ekonomi, kedatangan Islam telah memberikan wanita pengiktirafan melibatkan diri dalam lapangan pekerjaan di luar rumah di samping memberi pengisyhtaran agar wanita memiliki hak dalam mengurus dan menjual hartanya. Implikasinya, wanita berkemampuan untuk memajukan dan mengembangkan lagi hartanya dengan pelbagai cara. Dalam konteks ekonomi masyarakat, sesebuah masyarakat sentiasa memerlukan khidmat dan pertolongan wanita. Wanita yang melaksanakan kerja di luar rumah bukanlah perkara yang luar biasa dalam sejarah kehidupan manusia. Hal ini kerana, penglibatan wanita dalam membangunkan ekonomi telah berlaku sejak dahulu lagi di mana anak gadis Nabi Shuaib telah keluar mengembala kambing ternakan bagi membantu pendapatan keluarga. Jelas dapat dilihat melalui kisah anak gadis Nabi Shuaib bahawa dalam melakukan tugasannya harian, ada kalanya

golongan lelaki memerlukan bantuan daripada golongan wanita serta peranan wanita tidak hanya terbatas dalam melahir, menyusu dan memelihara anak sahaja tetapi mereka juga dibenarkan untuk bekerja bagi memperolehi wang (Faisal Othman, 1993). Golongan wanita menurut Jamaliah Jaafar (2020) bukan sahaja memainkan peranan utama dalam mendidik dan membentuk generasi akan datang tetapi mereka juga merupakan sumber ekonomi yang penting. Justeru, lelaki dan wanita perlu menerapkan *ta'awun* dalam aspek ekonomi agar pembangunan ekonomi sama ada dalam rumahtangga mahupun negara tumbuh dengan lebih pesat.

Dalam aspek sosio-politik, Islam memandang bahawa lelaki dan wanita keduanya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat atas dasar saling melengkapi. Penyertaan wanita di dalam bidang tersebut tidak boleh dilihat sebagai persaingan atau mengganggu kedudukan lelaki dalam masyarakat sebaliknya perlu dilihat bahawa sumbangan wanita sebenarnya adalah lanjutan dan pengembangan kepada peranan saling melengkapi dalam keluarga dan masyarakat kerana sistem hidup Islam tidak sama sekali terpisah dan terasing antara keluarga, masyarakat dan negara. Realiti pada masa kini, bahawa kehidupan manusia dalam mana-mana masyarakat memerlukan kepada khidmat wanita. Islam tidak melarang wanita untuk melibatkan diri di dalam aspek sosial malah dalam beberapa perkara wanita wajib terlibat di dalam aktiviti sosiobudaya dan juga politik. Misalnya, penglibatan wanita dalam bidang profesional dan juga pendidikan seperti guru, doktor, jururawat dan sebagainya yang mana mereka meneruskan kerjaya mereka bagi memberikan khidmat dan bakti kepada ummah (Faisal Othman, 1993). Pengkaji berpandangan bahawa penglibatan wanita di dalam aspek sosio-politik membantu menyempurnakan tanggungjawab yang dipikul oleh lelaki. Hal ini kerana, kesempurnaan dalam sesuatu perkara tidak akan berlaku tanpa mengaplikasikan konsep *ta'awun* antara lelaki dan wanita.

Jamal Badawi telah menyediakan satu kerangka asas bagi keadilan gender menurut perspektif Islam. Pengkaji kemudiannya mencadangkan penambahbaikan dengan menghasilkan satu kerangka baru yang berteraskan kepada konsep *ta'awun* bagi mencapai keadilan gender menurut perspektif Islam. Sejak daripada awal, Islam telah menekankan bahawa yang paling mulia di sisi Allah adalah ketaqwaan seseorang tanpa melihat kepada jantina, bangsa dan juga kaum. Selain daripada itu, Islam juga meletakkan asas keadilan gender bahawa lelaki dan wanita adalah sama meskipun terdapat perbezaan dalam beberapa aspek serta mengiktiraf hak kemanusiaan sama ada lelaki mahupun wanita. Justeru, dapat dilihat bahawa hak lelaki dan wanita di dalam Islam sangat terjamin kerana Islam merupakan agama yang adil. Hal ini kerana, perbezaan yang berlaku antara lelaki dan wanita adalah sebuah keadilan dan tidak dianggap sebagai sebuah bentuk penindasan sebaliknya merupakan satu konsep timbal balik yang membawa kepada kesempurnaan. Berbeza dengan barat, yang mana asas utama dalam mencapai kesetaraan gender bermula daripada konsep diskriminasi wanita dalam kehidupan. Golongan barat melihat bahawa hak yang diberikan di dalam Islam antara lelaki dan wanita adalah bersifat patriarki yang mana wanita tidak diberikan hak yang sewajarnya mereka miliki. Ekoran daripada itu, golongan barat sentiasa menegaskan dan menuntut agar hak wanita dan lelaki dalam Islam diberikan dengan sama rata.

## KESIMPULAN

Konsep *al-'Adl* yang dibawa oleh Islam adalah meletakkan sesuatu perkara bersesuaian pada tempatnya. Dalam konteks perbincangan mengenai keadilan gender, Islam meletakkan peranan biologi yang berbeza kepada lelaki dan wanita. Namun begitu, perbezaan tersebut adalah bersesuaian dengan fitrah dan juga fizikal yang dimiliki oleh mereka. Peranan biologi tersebut adalah sebagai asas kesaling-bergantungan lelaki dan wanita sebagai induk sosial sesebuah

masyarakat. Islam menjelaskan hubungan ini dalam bentuk fungsi sosial yang menjadi intipati dalam mencapai keadilan gender. Aplikasi *ta'awun* ini menghasilkan keseimbangan, kesejahteraan, kebahagiaan dan kemajuan umat manusia, khususnya umat Islam. Dalam realiti kehidupan moden, prinsip *ta'awun* ini bersifat lebih dinamik dan selari dengan fitrah manusia.

## **RUJUKAN**

- Abdul Malik Abdul Karim (Hamka). *Tafsir al-Azhar*. (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1990).
- Abdul Mannan Omar. *Dictionary Of The Holy Qur'an Arabic-English*. (USA: NOOR Foundation International, 2003).
- Abdul Munir Yaacob. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986).
- Abdul Rahman Jalaluddin al-Suyuti. *Dur al-Mansur fi Tafsir al-Ma'sur*. (Beirut: Dar al-Fikr, 1993).
- Abi Fida' Ismail Ibnu Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-A'zim*. (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1969).
- Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri. *Minhaj al-Muslim*. (Riyadh: Darussalam Global Leader in Islamic Books. 2001).
- Ahmad Warson Munawwir. *Kamus al-Munawwir: Arab-Indonesia*. (Surabaya: Pustaka Progressif, 1997).
- Ali Abd al-Wahid Wafi. *Al-Mar'ah fi al-Islam*. (Cairo: al-Fajalah, 1971).
- Al-Qurthubi. *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. Beirut, Lebanon: Al-Resalah Publishers. t.th.
- Andek Masnah Andek Kelawa. *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 1999).
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Lokman Wan Ahmad and Zainab Ismail. "Peranan wanita dalam pembangunan keluarga dari perspektif Fi Zilal al-Quran", *Journal of Governance and Development*. 6 (2010): 14-21.
- Azizul Azra bin Abdul Razak & Mohd Hisyam Abdul Rahim. "Peranan Wanita dalam Dakwah Bil Hal" *Human Sustainability Procedia* (2018) 291-295.
- Azli Fairuz Laki, Siti Nor Fazillah Abdullah, Normadiah Daud & Mohd. Borhanuddin Zakaria, "Kesetaraan gender dalam Islam: Satu Analisis", *Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*, 2018, 1-12.
- Bano Orakzai, Saira. The rights of women in Islam: The question of 'public' and 'private' spheres for women's rights and empowerment. *Muslim societies Journal of Human Rights in the Commonwealth*, 2 (1) (Spring 2014), 42–51.
- Brian Z Tamanaha. Understanding legal pluralism: past to present, local to global. *Sydney Law Review* 30 (2008), 375–411.
- Dessie GA Envisioning gender justice in our hearts and mind: a promise tool for change. *J Human Soc Sci* 3(5) (2015), 177–184.
- Edwards, P, "The Encyclopedia of Philosophy", (New York: Mac Millan, 1972).
- Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah. "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak", *Journal of Shariah Law Research*. 2 (2) (2017), 207-234.
- Faisal Othman. *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1993).
- Faisal Othman. *Woman, Islam and Nation Building*. (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1993).
- Fakhr al-Razi. *Tafsir al-Kabir*. (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1980).

- Hibbert N. Human rights and social justice. *Laws* 6(7) (2017), 1-16.
- Ibn Miskawaih. “*Tahdzib al-Akhlaq*”, (Beirut, Libanon: Daar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1985).
- Ibnu Manzur, “*Lisan al-Arab*” (Kairo: Dar al-Ma’arif, t.th).
- Inayati Ashriyah. *Ibadah Ringan Berpahala Besar untuk Wanita*, (Bandung: Ruang Kata. 2012).
- International Women’s Rights Action Watch Asia Pacific (IWRAW AP). T.Th. Substantive Equality. <https://cedaw.iwraw-ap.org/cedaw/cedaw-principles/cedaw-principles-overview/substantive-equality/> [10 Disember 2023].
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Sumber Manusia (Siaran Bersama). 2021. Jabatan Pembangunan Wanita dan Talentcorp Anjur Karnival Kerjaya Khas Untuk Wanita. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2021/FINAL%20SIARAN%20MEDIA%20BERSAMA%20KPWKM%20DAN%20TALENTCORP%20ANJUR%20KARNIVAL%20KERJAYA%20KHAS%20UNTUK%20WANITA.pdf> [28 Disember 2023].
- Jamal Badawi, “*Gender Equity in Islam*”, (T.tp: World Assembly of Muslim Youth, 1995).
- Jamaliah Jaafar. *Penyertaan Wanita dalam Ekonomi*. (Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).
- Judith Lorber. *The Variety of Feminisms and Their Contribution to Gender Equality*. (Oldenburg: University of Oldenburg, 1997) hlm: 7-8. Lihat juga Dzakiyyah Fauziyah Rifat & Nurwahidin. Feminisme dan Kesetaraan Gender dalam Kajian Islam Kotemporer. *Syntax Literate: Jurnal Ilmiah Indonesia*. 7 (1) (2022): 172-182.
- Kamarul Jasmi Azmi, Mohd Ismail Mustari & Azhar Muhammad. *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2008).
- M. Hajir Mutawakkil. Keadilan Islam dalam Persoalan Gender. *Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*. 12 (1) (2014): 67-89.
- M. Quraish Shihab. *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati. 2002.
- Mohd Anuar Ramli, “Analisis Gender dalam Hukum Islam”, *Journal of Fiqh* 9 (1) (2012).
- Mohd Rosli Saludin. *Peranan Ibu Soko dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan*. (Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2011)
- Mok Soon Sang. 2013. *Perkembangan Kanak-Kanak*. Cet. 3. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mualimin Mochammad Sahid, Azman Ab. Rahman dan Mohamad Ikhwan Hami. *Adat Perpatih Berpandukan Syariah: Amalan di Negeri Sembilan dan Minangkabau*. Negeri Sembilan: NAM Publications, 2018.
- Mualimin Mochammad Sahid, Muhammad Aunurrochim Mas’ad Saleh, Nik Rahim Nik Wajis, Setiyawan Gunardi, Mohd. Nasir Abdul Majid, Mariam Saidona Tagaranao dan Nuur Athirah Ramli. Justifikasi Hukum Syarak ke Atas Amalan Adat Perpatih dalam Pewarisan Tanah Adat/Ulayat Di Indonesia Dan Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. 5 (khas) (2017).
- Muhammad Idris al-Marbawi. *Kamus Idris al-Marbawi: Arab-Melayu*. (Mesir: Mustafa al-Bab, 1930).
- Muhammad Mahmud Shafie. *al Tanbih Fii Fiqhi Asy Syaafii* (Ter) Hafid Abdullah. M.A (Semarang: CV. Asy Syifa, 1998).
- Nadiah Mohd Zin & Syazwana Aziz. Hak Suami dan Nafkah Isteri dalam Tempoh Perkahwinan bagi Pasangan yang Mengalami Kecelaruan Psikosis. *Journal of Law & Governance*. 3(1) (2020), 59-73.

- Natural Resources Defense Council (NRDC). 2019. Definition Of Equity, Inclusion, Equality And Related Terms. [https://www.broward.org/Climate/Documents/EquityHandout\\_08\\_2019.pdf](https://www.broward.org/Climate/Documents/EquityHandout_08_2019.pdf) [15 November 2023].
- Nik Salida Suhaila et.al. Rebranding Equality: Malaysia's Progress on Women's Rights Advocacy. *International Journal of Islamic Thought*. 18 (2020).
- Noor Huda Roslan. *Hakim Wanita di Mahkamah Syariah: Isu dan Cabaran*. Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah-60 Tahun Pasca Kemerdekaan ‘Menelusuri Cabaran, Melestari Masa Hadapan’. IAIS Malaysia, 2017.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Nurul Hidayatulkolbi, Noornajihan Jaafar, Norzulaili Mohd Ghazali, Noor Azma Mohamad Khassim, Zulhilmi Mohamed Nor, & Hishomudin bin Ahmad. Communication via Explanation Approach for Female Students: A Study on Rasulullah's SAW. Practices with Special Reference to the Selected Hadiths in Sahih Al-Bukhari. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3(1) (2017), 90-99.
- Nurul Syafiqah Mazlan & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairulddin. The Concept of *Ta'awun* in the Scientific Writing according to al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. 8 (11) (2018), 932-940.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-304: Hukum Wanita Bekerjaya. [https://muftiwp.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=3391:irsyad-al-fatwa-siri-ke-304-hukum-wanita-bekerjaya&catid=85&lang=ms&Itemid=422](https://muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=3391:irsyad-al-fatwa-siri-ke-304-hukum-wanita-bekerjaya&catid=85&lang=ms&Itemid=422) [25 Disember 2023].
- Ramli, M.A. and Jamaludin, M.A. and Rosele, M.I, “*Hak pewarisan wanita: Antara ketetapan syariat dengan tuntutan perubahan sosial*” In: Rights of Muslim Women in the Modern World, 11-12 Apr 2012, Brunei Darussalam.
- Salbiah Ahmad. 2005. Gender Equality under Article 8: Human Rights, Islam and ‘Feminisms’. Conference Paper on the 13th Malaysian Law Conference. Kuala Lumpur, Malaysia, 16-18 November.
- Sarifa Suhra. Kesetaraan Gender dalam Perspektif al-Qur'an dan Implikasinya terhadap Hukum Islam. *Jurnal Al-Ulum*. 12 (2) (2013), 373-394.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. Kepimpinan Wanita dalam Politik dari Perspektif Siyasah Syar'iyyah. *Jurnal Syariah* 10(2) (2002), 109-122.
- Tajul Arifin, “Gender Equity in Hadith Literature: An Analysis of the Contemporary Hadith Curriculum of Madrasah Aliyah in Indonesia” Conference e-Proceeding ICONIMAD 2019, International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand, 544-560.
- Wahbah al-Zuhaili. *Al-Fiqh Islam wa Adillatuh*. Damsyik: Darul Fikr, 1997.
- Wahbah al-Zuhaili. *Al-Tafsir Al-Munir fi Aqidah wa Al-Syariah wa Al-Manhaj*. Damsyik: Darul Fikr, 2003.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, “Gender Equity and Equality from Islamic Perspective: Malaysian Context” *Kafaah Journal*. 7 (2) (2017), 124.
- Yusuf al-Qaradawi. *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqarranah li al-Ahkamihi wa Falsafatihi fi daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. (Kairo: Maktabah Wahbah. 2009).
- Yusuf al-Qaradawi. *Wanita-wanita Syurga terj.* (Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd. 2015).
- Zaini Nasohah, Fatimah Majemi, Zuliza Mohd Kusrin, Ahmad Muhammad Husni, Mohd Al-Adib Samurie. Analisis Literatur Isu Pelantikan Hakim Syarie Wanita Di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 3 (1) (2016), 62–70.